



**PERATURAN AM**  
**SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**(SIPMA)**

---

**1. NAMA**

- 1.1. Kejohanan ini dinamakan "**SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA**".

**2. PENGELOLAAN**

- 2.1. SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) ini dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia setiap dua (2) tahun sekali dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Institut Pendidikan Guru Malaysia (MSIPGM), Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia (MSMM), Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSPM), Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM), Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA), Majlis Sukan Kolej Vokasional Malaysia (MASKoV) dan pihak-pihak yang terlibat seperti agensi kerajaan, persatuan-persatuan sukan dan pihak swasta.
- 2.2. Bagi maksud pengelolaan, sebuah Jawatankuasa Induk (Perkara 3 Peraturan Tetap SIPMA) yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara-perkara dasar ditubuhkan. Sebuah Jawatankuasa Pengelola hendaklah ditubuhkan untuk membuat perancangan dan mengelolakan semua program dan aktiviti SIPMA seterusnya Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil dengan tugas-tugas khas yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengelola. Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia adalah Sekretariat SIPMA di peringkat Pusat dan bertanggungjawab memastikan segala dasar dan keputusan Jawatankuasa Induk dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan. Jawatankuasa Induk (Perkara 5.1. Peraturan Tetap

SIPMA) ditubuhkan oleh Jawatankuasa Induk SIPMA untuk meneliti dan membuat keputusan bagi pihak Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pengelola SIPMA sekiranya terdapat perkara-perkara berbangkit yang boleh menjadikan perjalanan kejohanan SIPMA.

### **3. JENIS SUKAN**

- 3.1. Sebanyak tujuh (7) jenis sukan daripada Sukan Teras dan satu (1) sukan tambahan dipertandingkan pada SIPMA adalah seperti berikut;

Bil	Jenis Sukan	Kategori
1	Olahraga	Lelaki dan wanita
2	Hoki	Lelaki dan wanita
3	Badminton	Lelaki dan wanita
4	Skuasy	Lelaki dan wanita
5	Boling Ten Pin	Lelaki dan wanita
6	Bola Sepak	Lelaki sahaja
7	Akuatik (Renang)	Lelaki dan wanita
8	Bola Jaring (pilihan)	Wanita

### **4. PENYERTAAN / KELAYAKAN PESERTA**

- 4.1. Setiap kontinjen dimestikan menyertai semua jenis sukan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk SIPMA di bawah Peraturan Tetap SIPMA Perkara 9.1.
- 4.2. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar warganegara Malaysia yang berumur di bawah 23 tahun yang berdaftar dan belajar secara sepenuh masa di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 4.3. Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) Salinan borang pendaftaran peserta.
- 4.4. Jika seseorang peserta didapati telah didaftarkan oleh lebih dari satu pasukan, maka pengesahan bertulis daripada peserta dan Majlis Sukan berkenaan adalah penting bagi menyokong pendaftaran pasukan yang disertainya itu.
- 4.5. Peserta gantian boleh dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran iaitu semasa taklimat Pengurus Pasukan.

- 4.6. Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan Kad Pengenalan atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 atau Kad Matrik Pelajar. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 4.7. Senarai peserta yang didaftarkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Selepas taklimat pengurus pasukan, permohonan pertukaran/gantian peserta tidak dibenarkan.
- 4.8. Setiap atlet dibenarkan mengambil bahagian dalam satu ( 1 ) jenis sukan sahaja.
- 4.9. Semua atlet yang pernah mewakili negara di pertandingan antarabangsa dikenakan syarat seperti berikut:-
  - 4.9.1. Bagi acara berpasukan, sesuatu pasukan tidak boleh mendaftarkan lebih daripada tiga ( 3 ) orang pemain kebangsaan. Ketiga-tiga pemain tersebut dibenarkan bermain dalam satu masa.
  - 4.9.2. Bagi acara individu seseorang atlet tidak dibenarkan untuk menyertai lebih daripada satu ( 1 ) acara perseorangan dan dua ( 2 ) acara berpasukan/relay sahaja seperti olahraga.
  - 4.9.3. Bagi sukan yang mempunyai acara perseorangan, beregu, beregu campuran dan berpasukan, seorang pemain hanya dibenarkan mengambil dua ( 2 ) acara sahaja iaitu seperti badminton. Seorang pemain masih dianggap mengambil bahagian dalam satu acara jika menyertai acara berpasukan walaupun bermain dalam perseorangan dan beregu.
  - 4.9.4. Atlet-atlet yang mewakili negara di Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik sahaja yang tertakluk dengan syarat-syarat dan peraturan di atas. Atlet yang mewakili negara dalam semua kejohanan peringkat umur remaja dan belia di peringkat antarabangsa adalah dikecualikan daripada syarat-syarat ini.
- 4.10. Bagi pelajar-pelajar di bawah Program Pra Universiti di Sekolah Sukan Malaysia, mereka hendaklah mewakili MSSM. Pelajar-pelajar yang tidak terpilih mewakili MSSM, boleh mewakili MASUM dengan syarat memohon kebenaran daripada MSSM .

- 4.11. Tiap-tiap kontinjen dikehendaki mengemukakan borang penyertaan mengikut jenis sukan kepada pihak pengelola tidak lewat **satu ( 1 ) bulan daripada tarikh kejohanan SIPMA**.
- 4.12. Borang-borang penyertaan yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh kontinjen kepada pihak pengelola **dua (2) minggu** sebelum tarikh kejohanan. Pertukaran peserta boleh dibuat semasa taklimat Pengurus-pengurus Pasukan sebelum sukan bermula.
- 4.13. Semua kontinjen boleh mendaftarkan **3 orang pelajar antarabangsa (bukan warganegara)** bagi **sukan Bola Sepak** tetapi hanya **2 pemain antarabangsa** yang boleh bermain pada satu-satu masa.

## **5. BILANGAN PEGAWAI / PESERTA**

- 5.1 Bilangan pegawai dan peserta mengikut jenis-jenis sukan ialah seperti berikut:

Sukan	Jantina	Pegawai	Atlit	Jumlah
OLAHRAGA	L	10	40	50
	P			
BOLA SEPAK	L	6	20	26
SKUASY	L	5	5	15
	P		5	
BOLING TENPIN	L	5	5	15
	P		5	
BADMINTON	L	5	5	15
	P		5	
HOKI	L	6	18	24
	P	6	18	24
AKUATIK (RENANG)	L	3	15	18
	P	3	15	18
BOLA JARING	P	4	12	16
SEKRETARIAT		10		10
KETUA KONTINJEN		1		1
JUMLAH		54	178	232

## **6. PENDAFTARAN**

61. Tiap-tiap kontinjen bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah mendaftarkan nama-nama pegawai dan peserta masing-masing kepada Jawatankuasa Pengelola SIPMA melalui majlis sukan masing-masing iaitu Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Institut Pendidikan Guru Malaysia (MSIPGM), Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia (MSMM), Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSPM), Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM), Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA) dan Majlis Sukan Kolej Vokasional Malaysia (MASKoV).

## **7. KAWALAN PERUBATAN**

- 7.1. Semua peserta dalam semua jenis sukan dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan dengan mengemukakan Sijil atau Surat Pengakuan Doktor kepada Jawatankuasa Pertandingan. Pemeriksaan hendaklah dibuat di tempat masing-masing sebelum datang ke pertandingan.
- 7.2. Ujian doping akan dijalankan secara rambang ke atas atlet semasa Kejohanan SIPMA dijalankan.
- 7.3. Jika seseorang peserta itu mewakili pasukan / mengambil bahagian dalam acara individu didapati gagal ujian doping, pasukan / penyertaan peserta tersebut dengan sendirinya akan terbatal. Sekiranya pasukan / individu yang dibatalkan turut memenangi pingat, kemenangan tersebut akan juga turut terbatal dan pingat-pingat yang dimenangi akan ditarik balik. Pingat-pingat dan mata akan dianugerahkan kepada peserta-peserta terbaik berikutnya.

## **8. KAWALAN KEWANITAAN**

- 8.1 Seseorang peserta jika dikehendaki oleh Jawatankuasa Pengelola SIPMA untuk membuat pemeriksaan kewanitaan, hendaklah patuh kepada peraturan ini.

## **9. PERATURAN TEKNIK / CORAK PERTANDINGAN**

- 9.1. Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia selaku Sekretariat SIPMA, dengan kerjasama Jawatankuasa Teknikal SIPMA akan menetapkan corak pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan dalam SIPMA ini.
- 9.2. Semua jenis sukan / acara akan dikelolakan selaras dengan Peraturan Badan Kawalan Sukan Antarabangsa yang berkenaan. Jika terdapat percanggahan dari segi penafsiran, maka pengertian sahih akan dirujuk kepada peraturan dalam Bahasa Inggeris.
- 9.3. Semua pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah selesai dipertandingkan mengikut tempoh SIPMA seperti yang ditetapkan perkara 10.1 atau pada tempoh yang dipersetujui oleh pihak Jawatankuasa Pengelola.
- 9.4. Penetapan bilangan kumpulan bagi tiap-tiap jenis sukan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal sukan masing-masing.
- 9.5. Bagi jenis sukan yang mengandungi acara berpasukan dan perseorangan, hanya dua ( 2 ) orang pemain terbaik sahaja didafarkan mengambil bahagian dalam pertandingan perseorangan. Bagaimanapun bagi jenis-jenis sukan tertentu yang mengambil kira kombinasi mata/skor individu bagi menentukan kedudukan pasukan boleh daftarkan mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam peraturan pertandingan sukan masing-masing.

## **10. TEMPOH PENGELOLAAN / JADUAL PERLAWANAN**

- 10.1. Temasya SIPMA ini akan berlangsung selama lima ( 5 ) hari.
- 10.2. Semua jadual perlawanannya bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

## **11. PENANGGUHAN**

- 11.1. Tarikh, masa dan tempat perlawanannya yang telah ditetapkan / jadualkan tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

- 11.2. Jawatankuasa Pengelola SIPMA adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguhkan atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan serta merta.
- 11.3. Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan menurut para 11.2 di atas, maka Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan bagi sukan berkenaan membuat keputusan.

## **12. KEMUDAHAN**

- 12.1. Jawatankuasa Pengelola bertanggungjawab menyediakan semua kemudahan yang berkaitan dengan pelaksanaan SIPMA seperti penginapan, makan, minum dan peralatan pertandingan.
- 12.2. Pakaian seragam dan peralatan sukan peserta adalah menjadi tanggungjawab kontinjen masing-masing.
- 12.3. Jawatankuasa Pengelola hendaklah mengemukakan senarai kemudahan / tempat pertandingan dan senarai peralatan sukan yang akan digunakan untuk tujuan pertandingan kepada Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapat pengesahan.

## **13. PENGARAH PERTANDINGAN DAN DELEGAT TEKNIKAL**

- 13.1. Jawatankuasa Pengelola SIPMA akan melantik dengan rasminya seorang Ketua Delegat Teknikal dan seorang Pengarah Pertandingan.
- 13.2. Tanggungjawab Ketua Delegat Teknikal adalah seperti berikut:-
  - 13.2.1. Melantik pegawai-pegawai teknikal dan pengadil / hakim setelah berbincang dengan Jawatankuasa Pengelola.
  - 13.2.2. Melawat dan mengesahkan tempat-tempat pertandingan supaya sesuai digunakan untuk pertandingan SIPMA.
  - 13.2.3. Menyemak dan mengesahkan jadual-jadual pertandingan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

- 13.2.4. Menentukan giliran tugas pegawai-pegawai teknikal seperti pengadil / hakim yang dilantik di bawah para 13.2.1.
- 13.3. Tanggungjawab Pengarah Pertandingan ialah untuk menentukan segala persiapan Teknikal dan Pertandingan disedia dan dilaksanakan mengikut Peraturan Tetap dan Peraturan Am SIPMA serta panduan-panduan yang ditetapkan oleh Peraturan Pertandingan Sukan masing-masing dengan kerjasama Jawatankuasa Pengelola.

#### **14. GANTIRUGI**

- 14.1. Kementerian Pendidikan Malaysia , Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Pengelola, Jawatankuasa-jawatankuasa kecil dan pegawai-pegawai yang dilantik tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana peserta dan pegawai semasa SIPMA ini berlangsung termasuk perjalanan rumah / tempat pertandingan / rumah.

#### **15. JURI RAYUAN**

- 15.1. Semasa Temasya SIPMA berlangsung tugas-tugas Jawatankuasa Induk akan dilaksanakan oleh sebuah Juri Rayuan yang dilantik oleh Sekretariat. Anggota Juri Rayuan terdiri daripada tidak kurang daripada lima ( 5 ) orang dan tidak lebih dari tujuh ( 7 ) orang ahli iaitu seperti berikut:

Pengerusi - Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia / Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atau wakilnya.

Ahli-ahli      - Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya.  
                  - Ketua Urus Setia SIPMA atau wakilnya.  
                  - 2 orang Ketua Kontinjen yang tidak terlibat atau wakilnya.  
                  - Tidak lebih daripada dua ( 2 ) orang yang diiktirafkan sesuai oleh pengerusi.

- 15.2. Juri Rayuan akan membuat keputusan muktamad berkenaan dengan semua hal berhubung dengan pengelolaan SIPMA. Ketua kontinjen atau wakilnya boleh mengemukakan bantahan kepada juri ini.
- 15.3. Jawatankuasa Pengelola hendaklah melantik Juri Rayuan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan.

## **16. RAYUAN / BANTAHAN**

- 16.1. Sebarang rayuan atau bantahan boleh dibuat oleh Ketua Kontinjen / Pengurus Pasukan secara bertulis kepada Juri Rayuan Induk dalam tempoh tidak lebih dari dua jam selepas tamat sesuatu perlawanan dengan disertakan wang tunai sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia : DUA RATUS Sahaja)**.
- 16.2. Sekiranya rayuan atau bantahan itu munasabah dan diterima oleh Juri Rayuan, maka wang pertaruhan tersebut dikembalikan dan satu keputusan akan dibuat berhubung dengan rayuan dan bantahan itu.
- 16.3. Wang pertaruhan itu akan hilang dan menjadi pendapatan kepada SIPMA sekiranya rayuan atau bantahan itu ditolak.

## **17. JAWATANKUASA DISIPLIN**

- 17.1. Setiap Jawatankuasa Pertandingan yang terlibat hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Disiplin bagi mengendalikan kes-kes disiplin di kalangan pegawai dan peserta. Di samping itu Jawatankuasa Induk akan melantik sebuah Lembaga Disiplin bagi mengendalikan segala kes disiplin para pegawai serta atlet yang tidak dapat diselesaikan di peringkat kontinjen masing-masing. Lembaga ini juga bertanggungjawab terhadap disiplin semua pegawai kontinjen yang berdaftar dengan Urus Setia SIPMA.
- 17.2. Keahlian jawatankuasa disiplin ialah seperti berikut:-

Pengerusi - Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia / Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atau wakilnya.

Ahli-ahli - 6 orang Ketua Kontinjen atau wakilnya.

- Ketua Pengadil sukan yang berkenaan atau wakilnya.
- 17.3. Pihak Lembaga Disiplin berhak untuk memanggil mana-mana pihak yang difikirkan sesuai dan dapat membantu memberikan maklumat yang berkaitan.

## **18. HADIAH-HADIAH**

- 18.1. Hadiah untuk SIPMA akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola seperti berikut:-
- 18.1.1. Pingat-pingat emas, perak dan gangsa untuk pemenang pertama, kedua dan ketiga.

## **19. KEWANGAN**

- 19.1. Kewangan Pengelolaan SIPMA akan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Pengelola. Penyata akaun pengelolaan hendaklah disiapkan oleh Jawatankuasa Pengelola tidak lewat daripada dua ( 2 ) bulan selepas tarikh akhir sukan tersebut untuk diperiksa dan diluluskan oleh Jawatankuasa Induk SIPMA.
- 19.2. Kos makan, penginapan, elaun pegawai kejohanan (yang mana berkenaan) dan kos pengelolaan adalah daripada peruntukan kerajaan. Kos pengangkutan kontinjen adalah ditanggung oleh Majlis Sukan masing-masing.

## **20. PERKARA AM**

- 20.1. Sekretariat SIPMA dan Jawatankuasa Pengelola SIPMA berkuasa mengambil sesuatu keputusan kepada sebarang perkara yang berbangkit yang tidak tercatat dalam Peraturan Am.
- 20.1. Segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Pengelola dan Urusetia SIPMA adalah muktamad.
- 20.3. Sebarang keputusan yang dibuat semasa Taklimat Pengurus-pengurus Pasukan bagi setiap jenis sukan adalah muktamad dan tidak boleh dibantah

asalkan ia tidak bercanggah dengan Peraturan Tetap dan Peraturan AM SIPMA serta keputusan Jawatankuasa Induk.

- 20.4. Segala bantahan mengenai kesahihan status peserta tidak boleh dibuat oleh mana-mana pihak setelah diterima dan disahkan oleh Sekretariat SIPMA.
- 20.5. Jawatankuasa Pengelola juga mempunyai kuasa mutlak memeriksa kelayakan peserta-peserta yang didaftarkan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat peserta yang tidak layak menyertai temasya ini seperti yang tercatat di dalam Peraturan Am SIPMA dan Peraturan Pertandingan tindakan berikut akan diambil:-
  - 20.5.1. Pembatalan dari temasya itu. Jika peserta itu mewakili pasukan, pasukan itu akan dibatalkan dan jika peserta itu mengambil bahagian di dalam acaa individu, beliau akan dibatalkan. Jika pasukan / individu yang dibatalkan memenangi pingat, kemenangan tersebut akan dibatalkan dan pingat-pingat yang dimenangi akan ditarik balik.

15 Apr. 2019